

LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK

Citibank Berhad
(Registration No. 199401011410
(297089-M))



Date: January 16, 2025

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Penzahiran Produk ("LPP") ini mengandungi maklumat utama mengenai Kemudahan Pinjaman Bertempoh (*Term Loan*).

Sila baca dokumen LPP ini dengan teliti untuk memahami ciri-ciri utama produk sebelum membuat keputusan.

1. Apakah itu Pinjaman Bertempoh?	
Pinjaman Bertempoh ialah kemudahan kredit dengan tarikh matang dan jadual pembayaran balik yang berstruktur. Ia digunakan terutamanya untuk pembiayaan modal kerja dan pembiayaan perbelanjaan modal. Faedah dikira berdasarkan kadar terapung iaitu Kos Dana (Cost of Fund (COF)) + <harga>%. *Nota: Pinjam Bertempoh tidak disediakan untuk pembiayaan pembinaan.	
2. Ketahui Tanggungjawab Anda	
Untuk Pinjaman Bertempoh, <u>sebagai ilustrasi</u>: - Jumlah Kemudahan: RM 1,000,000 - Tempoh: 10 tahun - COF semasa: 5.5% - Kadar faedah: COF + 1.0% - Bayaran balik: RM11,911.467/bulan (jumlah bayaran boleh berubah setiap bulan). Jumlah pembayaran balik keseluruhan bagi tempoh 10 tahun dianggarkan sekitar RM1,429,376.00. Jumlah sebenar mungkin berbeza bergantung kepada perubahan COF.	Anda bertanggungjawab untuk:  Baca dan fahami terma-terma utama dalam kontrak sebelum menandatangani.  Bayar ansuran bulan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya sepanjang tempoh.  Hubungi pihak Bank segera jika anda ingin menyelesaikan pinjaman lebih awal untuk memahami terma-terma yang terpakai.
Anda perlu membayar caj dan fi berikut: - Duti setem seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Duti Setem 1949 (tertakluk kepada pindaan dari masa ke masa) - Fi guaman dan pembelanjaan (mengikut kos sebenar yang ditanggung) - Fi pemprosesan (jika berkenaan) - Caj pembayaran lewat: 1% setahun ke atas faedah, dikira secara harian ke atas jumlah tertunggak	
Jika anda ingin menyelesaikan pinjaman lebih awal, anda perlu tahu: - Tiada bayaran awal dibenarkan dalam tempoh <i>lock-in</i>, yang akan dipersetujui antara pihak Bank dengan anda. - Selepas tempoh <i>lock-in</i>, penyelesaian awal dibenarkan dengan notis bertulis diberikan kepada pihak Bank sekurang-kurangnya 3 bulan. Penyelesaian awal mungkin tertakluk kepada kos <i>break funding</i> dan caj-caj lain yang berkaitan. Bagi pembayaran awal sebahagian, jumlah yang dibayar akan digunakan untuk mengurangkan baki pinjaman mengikut urutan terbalik tempoh matang. Notis pembayaran awal tidak boleh dibatalkan dan jumlah yang telah dibayar awal tidak boleh dikeluarkan semula.	

3. Ketahui Risiko Anda

Jika anda gagal menunaikan tanggungjawab anda:

- Caj pembayaran lewat: **1% setahun** ke atas jumlah tertunggak. Anda akan membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh caj pembayaran lewat dan faedah terkompoun.
- Jumlah tertunggak di bawah pinjaman, termasuk prinsipal dan faedah, mungkin perlu dibayar serta merta, dan pihak Bank berhak untuk menguatkuasakan sekuriti yang telah disediakan.
- Pihak Bank berhak untuk menolak sebarang obligasi kewangan anda kepada Bank dengan sebarang obligasi bank terhadap anda. Contohnya, sebarang jumlah tertunggak di bawah Kemudahan Pinjaman Bertempoh boleh ditolak dengan baki dalam akaun deposit anda dengan pihak Bank.
- Jika anda gagal membuat tiga (3) pembayaran faedah berturut-turut, pihak Bank boleh menaikkan kadar faedah kepada 1% setahun ke atas kadar yang ditetapkan, dikira berdasarkan baki harian. Notis akan diberikan kepada anda dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa kadar mungkir (*default rate*).
- Pihak Bank boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda. Selain daripada perlu menyelesaikan jumlah yang tertunggak, anda mungkin perlu menanggung segala kerugian, kos dan perbelanjaan (termasuk fi guaman) yang ditanggung oleh pihak Bank untuk mendapatkan semua jumlah yang terhutang.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda, menjadikan pinjaman anda pada masa hadapan lebih sukar atau mahal.

4. Terma-terma Lain

- Sila maklumkan kepada pihak Bank jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan komunikasi yang berterusan.
- Cagaran adalah diperlukan dan secara amnya dalam bentuk hartanah, terutamanya jika pinjam tersebut merupakan pinjam hartanah atau pembiayaan semula. Penjamin mungkin diperlukan, tertakluk kepada penilaian kredit oleh pihak Bank. Jika penjamin diperlukan, pihak Bank akan memaklumkan penjamin mengenai hak dan tanggungjawab mereka. Nota: Tanah untuk kegunaan pertanian bukan suatu bentuk cagaran yang boleh diterima oleh pihak Bank.
- Insurans Kebarakan dan *Level Term Assurance (LTA)* adalah diperlukan sekiranya hartanah dijadikan sebagai cagaran bagi kemudahan ini.

Jika anda mempunyai sebarang persoalan atau bantuan, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2383 1111



E-mel kami di
malaysia.citiservice@citi.com



Hubungi Pegawai
Perhubungan (RM) anda

Akuan Pelanggan*

Sila pastikan anda melengkapkan bahagian ini sendiri dan faham tujuan anda menandatangani.

- ☐ Saya mengesahkan bahawa Citibank Berhad telah memberikan saya sesalanan LPP.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LPP ini.

* Akuan pelanggan terhadap LPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian jika terdapat sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat produk di masa hadapan.

Nama:

Tarikh:

Bagi pihak: [Nama syarikat]